

Saya tiada dalam senarai bakal MB: Noh

KUALA LUMPUR – Pengerusi Umno Selangor, Tan Sri Noh Omar mengesahkan tidak tersenarai sebagai Menteri Besar Selangor jika BN berjaya merampas kembali kerusi negeri itu pada PRU14.

Bahkan, beliau juga masih belum mengetahui nasibnya sama ada dicalonkan atau tidak pada PRU ini.

“Saya pun tak tahu saya bertanding atau tidak...kita biar dulu. Soal menteri besar biar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tentukan.

“Saya tidak ada dalam senarai dan saya menyerahkan segalanya pada beliau. Cuma saya hanya nak beritahu kalau BN menang kita nak umumkan 6,000 rumah transit dan juga Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Rawang.

“Kita ada tanah di sana dan Kabinet bersetuju untuk membangunkannya,” katanya pada sidang media selepas Majlis



Penyampaian Insentif Perumahan KPKT di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

Dalam pada itu, Noh berkata, rancangan Pengerusi BN Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos untuk membangunkan lebih 100 unit kediaman percuma kepada pengundi dan pasangan muda di Sungai Besar jika parti itu kembali memerintah negeri itu, tiada kaitan dengan kerajaan.

■ ■ *Saya pun tak tahu saya bertanding atau tidak...kita biar dulu. Soal menteri besar biar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tentukan.”- Noh*

“Itu kena tanya Jamal, beliau ada bincang (dengan saya) tapi tiada kena mengena dengan kerajaan. Saya pun ada tanya beliau boleh buat atau tak, tapi beliau kata boleh buat.

“Jamal, kedai makan percuma beliau mampu bagi, jadi itu kena tanya Jamal macam mana cara nak buat. Mungkin beliau ada cara sendiri, saya tak tahu, itu projek beliau. Macam beliau buat restoran makanan percuma,” katanya.